

AL-TAQDIM WA AL-TA'KHIR PADA KALIMAT QUR'ANIYYAH: SATU ANALISA DARI SUDUT KESAN PADA MAKNA AYAT-AYAT AL-QUR'AN

oleh
Zulkifli Hj. Mohd. Yusoff

Abstract

Kalimat Qur'aniyyah is one of the important topics in the studies of I'jaz al-Qur'an. This article tries to look into and analyse the topic in terms of al-Taqdim and al-Ta'khir. According to Koran, there are many verses having a similar pattern but different in the al-Taqdim and al-Ta'khir which effect the meaning of the reases.

Pendahuluan

Diskusi mengenai *I'jaz al-Qur'an* telah banyak disentuh oleh penulis-penulis terkenal sebelum ini. Tidak kira dari aliran mana mereka datang, namun topik ini tidak pernah lekang dari tulisan mereka terutama sekali apabila bicara mereka menyentuh tentang *al-Qur'an al-Karim*.

Al-Rummani¹ sebagai contoh, mewakili aliran al-Mu'tazilah merupakan antara tokoh awal yang mengulas mengenai topik *I'jaz al-Qur'an*. Buah fikiran beliau itu boleh dibaca di dalam tulisan beliau yang bertajuk *al-Nukat fi I'jaz al-Qur'an*.²

Al-Khattabi³ yang datang dari aliran Ahl al-Sunnah juga antara golongan awal yang mengupas mengenai topik ini. Beliau mengulas mengenainya di dalam tulisan beliau yang bertajuk *Bayan I'jaz al-Qur'an*.⁴

¹Beliau ialah Ali bin Isa bin Ali bin Abdullah Abu Al-Hasan al-Rummani. Seorang yang alim dalam Mazhab Muktazilah. Lahir dan wafat di Baghdad. Kitab beliau di dalam *I'jaz al-Qur'an* ialah *al-Nukat fi I'jaz al-Qur'an*. Meninggal dunia pada tahun 384H. Lihat al-Zerekly, Khayr al-Din, *al-A'lam* Dar al-Ilm li al-Malayin. Beirut, 1984, jld. 4, hlm. 317.

²Al-Rummani, Ali bin Isa, *Al-Nukat fi I'jaz al-Qur'an*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1986.

³Beliau ialah Hamad bin Muhammad bin Ibrahim bin al-Khattabi al-Basti, Abu Sulaiman. Ahli fiqh dan juga hadith. Lahir pada tahun 319H dan meninggal dunia di Rabat tahun 388H. Kitab beliau dalam *I'jaz al-Qur'an* berjudul *Bayan I'jaz al-Qur'an*. Lihat al-Zerekly, *op. cit.*, jld. 2, hlm. 273.

⁴Al-Khattabi, Hamad bin Muhammad, *Bayan I'jaz al-Qur'an*, Dar al-Ma'arif, Kaherah, 1986.

Penulis-penulis yang lain bukan bermakna mereka tidak mendapat tempat, tetapi sebahagian dari tulisan mereka tidak dapat dikesan di dalam perpustakaan Islam. Misalnya tulisan al-Jahiz⁵ dan al-Wasiti.⁶ Al-Jahiz di dalam beberapa bukunya menyebut, tulisan beliau di dalam *I'jaz al-Qur'an* boleh dibaca di dalam buku beliau yang bertajuk *Nazm al-Qur'an*. Al-Wasiti pula pernah menyebut tulisan beliau dalam bidang yang sama boleh dilihat menerusi bukunya *I'jaz al-Qur'an*.⁷

Sementara penulis-penulis yang lain ada yang lebih cenderung mengambil satu-satu sudut untuk diulas menerusi gaya bahasa dan gerak minda mereka yang tersendiri. Sebagai contoh al-Syarif al-Radhiy⁸ yang cenderung mengulas mengenai *Majaz al-Qur'an* dalam buku beliau yang bertajuk *Talkhis al-Bayan fi Majazat al-Qur'an*.⁹

Tidak kurang juga mereka yang mengambil peluang memperkembangkan idea-idea ulama sebelumnya. Misalnya al-Jurjani¹⁰ yang memenafaatkan buah fikiran al-Khattabi untuk memperkembangkan teori *al-Nazm*¹¹ dan al-Raghib al-Asfahani¹² yang turut memenafaatkan buah fikiran al-Khattabi untuk

⁵Al-Jahiz ialah Amru bin Bahr bin Mahbub al-Kinani, Abu 'Uthman. Terkenal dengan panggilan al-Jahiz. Lahir pada tahun 163H di Basrah, Kemudian meninggal dunia di tempat yang sama pada tahun 255H. Ulamak besar dalam sastera Arab, pimpinan kumpulan al-Jahiziyah dari kalangan Muktazilah. Banyak menulis dalam bidang bahasa. Antara tulianya yang terkenal ialah *al-Hayawan*, *Sihr al-Bayan*, *al-Taj* dan *al-Bukhala*. Lihat al-Zerekly, *op. cit.* jld. 5 hlm. 74.

⁶Al-Wasiti ialah Muhammad bin Zayd bin Ali bin al-Husain al-Wasiti, Abu Abdullah. Ulamak besar dalam ilmu kalam. Bermazhab Muktazilah. Merupakan penduduk Baghdad dan meninggal di sana tahun 307H. Antara tulisannya ialah *I'jaz al-Qur'an*, *al-Imamah*, dan *al-Zimam fi Urum al-Qur'an*. Lihat al-Zerekly, *op. cit.*, jld. 6 hlm. 132.

⁷Fadal Hasan Abbas, Dr. *al-balaghah al-Muftara alaiha*, Dar al-Nur, Beirut, 1989, hlm. 126.

⁸Al-Syarif al-Radhiy ialah Muhammad bin al-Husain bin Musa Abu al-Hasan lahir tahun 359H dan wafat di Baghdad tahun 406H. Antara bukunya *Haqaiq al-Ta'wil fi Mutasyabih al-Tanzil*, *Khasais Amir al-Mukminin Ali bin Abi Talib* dan *Talkhis al-Bayan fi Majazat al-Qur'an*, Lihat al-Zerekly, *op. cit.*, jld. 6 hlm. 99.

⁹Al-Syarif al-Radhiy, *Talkhis al-Bayan fi Majazat al-Qur'an*, Beirut, 1986.

¹⁰Al-Jurjani ialah Abdul Qahir bin Abd. Rahman bin Muhammad al-Jurjani Abu Bakar. Meninggal dunia tahun 471H. Pakar dalam Bahasa Arab. Banyak menghasilkan syair. Antara buku-bukunya yang terkenal ialah *Asrar al-Balaghah* dan *Dalail al-I'jaz*. Lihat al-Zerekly, *op. cit.*, jld 4, hlm. 48.

¹¹Teori al-Nazm dikembangkan oleh al-Jurjani di dalam Bukunya *Dalail al-I'jaz*, lihat Al-Jurjani, Abd. al-Qahir, *Dalail al-I'jaz fi 'Ilm al-Ma'ani* Dar al-Manar, Mesir, 1372.

¹²Al-Raghib ialah Abu al-Qasim al-Husain bin Muhammad dikenali dengan al-Raghib al-Asfahani. Tidak dapat dikesan bila dan dimana dilahirkan. Salah seorang dari pimpinan Mazhab Ahl al-Sunnah. Antara tulisannya yang terkenal ialah *al-Zari'ah ila Makarim al-Syari'ah*, *Muhadarat al-Udaba'* dan *al-Mufradat*. Tulisannya dalam bidang tafsir tidak sempat disiapkan kerana meninggal dunia pada tahun 502H. Lihat al-Zerekly, *op. cit.*, jld 2 hlm. 255.

memperluaskan perbincangan mengenai *al-Mufradat*.¹³ Al-Baqillani¹⁴ pula telah memenafaatkan buah fikiran al-Rummani sewaktu beliau mengulas mengenai *Funun Balaghiyah* atau *Wujuh al-I'jaz* dalam buku beliau yang bertajuk *I'jaz al-Qur'an*.¹⁵

Kalimat Al-Qur'an

Kalimat al-Qur'an merupakan asas kepada pembentukan sesuatu *al-Jumlah* dan pembinaan ayat-ayatnya. Kalimah Bahasa Arab sekalipun ada yang berasas kepada *thulathi*, *rubai*, *khumasi* dan *sudasi*, tetapi kebanyakan *kalimat al-Qur'an* adalah berpaksi kepada *thulathi*. Bahkan kalau bukan *thulathi*, boleh jadi ia terbentuk kepada *rubai* dan lain-lain adalah di sebabkan oleh pergandaan huruf. Contohnya; Perkataan *was-wasa* (وسوس) dan *zalzala* (زلزال) yang mengandungi pergandaan dan perulangan huruf.

Jika diperhatikan dengan teliti, lebih daripada lima puluh ribu *kalimat al-Qur'an* adalah berpaksi kepada *thulathi* sedang yang lain-lain adalah kurang dari lapan ratus.¹⁶

Dari segi *al-Taqdim wa al-Ta'khir* kedudukan sesuatu kalimah di dalam al-Qur'an, ia boleh dipecahkan kepada dua bahagian:

- Pertama : Dari sudut *al-Isytiqaq*
Kedua : Dari sudut *al-Tarkib*

Dari sudut *al-Isytiqaq* bermaksud pembentukan kalimah yang dipengaruhi oleh unsur-unsur *al-Taqdim wa al-Ta'khir* sesuatu huruf. Sebagai contoh lihat perkataan *khasyiya* (خشى) dan *syaiikh* (شيخ). Kedua-dua kalimah ini terbentuk dari tiga huruf iaitu الشين، الحاء و الباء .

Pada perkataan *khasyiya* didahulukan huruf الحاء diikuti oleh huruf و الباء . Sedangkan pada perkataan *syaiikh* didahulukan huruf الشين diikuti oleh و الباء dan berakhir dengan huruf الحاء .

¹³Lihat al-Raghib al-Asfahani, Abu Qasim al-Husain bin Muhammad, *al-Mufradat fi Gharib al-Qur'an*, Dar al-Matirah, Beirut, t.t.

¹⁴Al-Baqillani ialah Muhammad bin al-Tayyib bin Muhammad bin Ja'far seorang kadhi dan ulamak besar dalam ilmu kalam dari kalangan Mazhab Asy'ari. Dilahirkan di Basrah pada tahun 338H dan meninggal dunia di Baghdad tahun 403H. Antara tulisannya yang terkenal ialah *al-Insaf*, *Daqaiq al-Kalam* dan *al-Milal wa al-Nihal*. Lihat al-Zerekly, *op. cit.*, jld. 6 hlm. 176.

¹⁵Lihat al-Baqillani, Muhammad bin al-Tayyib, *I'jaz al-Qur'an*, Dar al-Baz, Makkah al-Mukarramah, 1986.

¹⁶Fadal Hasan Abbas, Dr. *Al-Kalimah al-Qur'aniyyah*, *Majallah al-Syariah wa al-Dirasat al-Islamiyyah*, Universiti Kuwait, tahun 2 bil 4, Disember 1985, hlm. 19.

Sudah tentu perbezaan *al-Taqdim wa al-Ta'khir* huruf-huruf dalam kalimah-kalimah di atas mempengaruhi makna yang dikandung oleh setiap kalimah. *Khasiya* ertinya bersangatan takut. Ini boleh difahami menerusi firman Allah yang berbunyi:

إِنَّمَا يَخْشَىُ اللَّهَ مِنْ عِبَادِهِ الظَّلِيمُونَ

"Hanya yang benar-benar takut kepada Allah dari kalangan hambaNya ialah ulama'."¹⁷

Syaikh pula bermaksud seseorang yang telah lanjut usianya: Lihat firman Allah ini:

فَالَّتَّالَّا نَسْقِي حَتَّىٰ يُضْرِبَ الرِّعَاءُ وَأَبُوئِكَ شَيْخٌ كَبِيرٌ

"Kedua wanita itu berkata: "Kami tidak dapat memberi minum ternakan kami sebelum pengembala-pengembala itu memberi minum ternakan mereka, sedang ayah kami adalah orang tua yang telah lanjutnya umurnya".¹⁸

Dari sudut *al-Tarkib* bermaksud kalimah-kalimah yang sama tetapi tidak dikenalkan dalam satu bentuk susunan. Sebaliknya diubah-ubah berdasarkan prinsip-prinsip *al-Taqdim wa al-Ta'khir*. Sudut kedua inilah yang akan diberi fokus utama oleh artikel ini. Ia akan dianalisa melalui empat contoh berikut:

Contoh I: غفور الرحيم

Di dalam surah al-Baqarah¹⁹ Ali Imran²⁰, al-Nisa'²¹ al-Maidah²², Al-An'am²³, al-A'raf²⁴ dan lain-lain²⁵ kesemua kalimat Qur'aniyyah memilih bentuk غفور الرحيم. Dengan erti kata lain telah didahulukan perkataan غفور الرحيم dari perkataan الرحيم.

¹⁷Fatir: 28

¹⁸Al-Qasas:23

¹⁹Al-Baqarah: 173, 182, 192, 199, 218, 225, 226

²⁰Ali 'Imran: 31, 89, 129.

²¹Al-Nisa': 34, 39, 74, 98.

²²Al-Maidah: 34, 39, 74, 98.

²³Al-An'am: 54, 145, 165.

²⁴Al-A'raf: 153, 167

²⁵Lihat Muhammad Fuad Abdul Baqi, *al-Mu'jam al-Mufahras li Alfaz al-Qur'an al-Karim*, Dar al-Fikr, Beirut, 1987.

Susunan ini amat wajar sekali kerana غفور mengandungi erti mengampun dan menutup segala dosa, sedang الرحيم pula mengandungi makna memberi rahmat, kelebihan dan nikmat. Pada lazimnya, setelah mendapat pengampunan, baharulah seseorang itu akan diberi layanan-layanan yang lain berupa nikmat tambahan dari pengampunan tadi. Dengan itu amat wajarlah kalau dalam susunan biasa, Allah mendahulukan perkataan غفور dari perkataan الرحيم.

Susunan menurut kebiasaan ini tidaklah bercanggah kalau ingin dipadankan dengan ayat-ayat yang terdapat di dalam al-Qur'an yang mengambil susunan yang serupa.

Tetapi di dalam firmanNya menerusi surah Saba' Allah telah mengubah kebiasaan ini. Dia telah mendahulukan perkataan الرحيم dari perkataan غفور. FirmanNya:

يَعْلَمُ مَا يَأْلَجُ فِي الْأَرْضِ وَمَا يَخْرُجُ مِنْهَا وَمَا يَنْزِلُ مِنَ السَّمَاءِ وَمَا
يَنْزَعُ فِيهَا وَهُوَ الرَّحِيمُ الْغَفُورُ

"Dia mengetahui apa yang masuk ke dalam bumi, apa yang keluar daripadanya, apa yang turun dari langit dan apa yang naik kepadanya. Dan Dia-lah Yang Maha Penyayang lagi Maha Pengampun".²⁶

Sudah tentu ada sesuatu sebab, mengapa Allah s.w.t mengubah susunan *kalimat Qur'aniyyah* di dalam ayat di atas dari kedudukannya yang biasa? Ini sepatutnya menarik perhatian pembaca yang peka untuk membuat pemerhatian terhadap kesan pemahaman makna dari perubahan susunan ayat-ayat di atas.

Antara yang dapat dikesan pada perubahan ini ialah kerana konteks yang disentuh oleh kedua-dua ayat adalah berbeza. Sentuhan ayat surah Saba' ialah dalam konteks memaparkan kudrat dan keupayaan Alah s.w.t., keluasan ilmu dan penguasaan taklukNya yang tiada tara. Dia mengetahui apa yang dikandung oleh perut bumi dan apa yang dibawa oleh langit. Dialah yang menurunkan hujan, menghidupkan tumbuhan, mengeluarkan bunga dan menerbitkan buah. Bukanakah sentuhan ayat adalah sentuhan rahmat? Dari itu amat sesuai pada ayat surah Saba' didahulukan *kalimat* rahmat dan pemberian ni'mat. Sedang sentuhan begini tidak berlaku pada ayat-ayat yang lain. Sebagai contoh, lihat firman Allah yang berbunyi:

²⁶Saba': 2

﴿ إِلَّا الَّذِينَ تَأْبُونَ مِنْ بَعْدِ ذَلِكَ وَأَصْلَمُوا فَإِنَّ اللَّهَ عَفُورٌ رَّحِيمٌ ﴾

"Kecuali orang-orang yang bertaubat sesudah itu dan memperbaiki (dirinya) maka sesungguhnya Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang".²⁷

Konteks ayat ini adalah mengenai orang-orang yang melakukan dosa kepada Allah s.w.t. kemudian insaf, bertaubat dan sedar. Lalu Allah menyatakan bahawa Dia bersedia menerima kembali orang-orang yang ingin kembali ke pangkal jalan. Dari itu didahulukan kalimah "Maha Pengampun" dari "Maha Penyayang", kerana hak untuk mendapat kasih sayang dan nikmat-nikmat yang lain terhenti pada mendapat keampunan atau tidak.

الحن والانس:

Di dalam al-Qur'an terdapat banyak ayat yang menyentuh tentang jin dan manusia. Tetapi yang menarik perhatian ialah kadang-kadang Allah mendahulukan kalimah "jin" dan di waktu yang lain didahulukan pula kalimah "manusia".

Perubahan susun atur kalimah ini agak menarik untuk diperhatikan. Apabila Allah s.w.t. mahu mencabar makhluk ini kepada al-Qur'an, Dia akan mendahulukan **الحن** ke atas **الانس**, kerana yang menjadi prinsip asal kepada cabaran al-Qur'an sebelum berpindah kepada yang lain ialah manusia. Perhatikan firman ini:

قُلْ لَئِنْ أَجْتَمَعَتِ الْأَنْسُ وَالْجِنُّ عَلَىٰ أَنْ يَأْتُوْنِي مِثْلِ هَذَا الْقُرْءَانِ
لَا يَأْتُونَ بِمِثْلِهِ، وَلَوْكَانَ بَعْضُهُمْ يَقْصُرُ ظَهِيرًا

"Ketahuilah sesungguhnya kalau manusia dan jin berkumpul untuk membuat sesuatu yang serupa dengan al-Qur'an ini, pasti mereka tidak akan dapat menghasilkan sesuatu yang menyamainya sekalipun sebahagian mereka menjadi pembantu bagi sebahagian yang lain".²⁸

Tetapi kalau bentuk cabaran itu adalah mengenai angkasa lepas, maka perkataan **الحن** didahulukan ke atas **الانس**. Kerana kegagalan jin menembusinya akan menunjukkan bahawa kegagalan manusia adalah lebih parah lagi. Dari itu Allah mendahulukan *kalimat al-Jin* di dalam firmanNya:

²⁷ Al-Nur: 5

²⁸ Al-Isra': 88.

يَمْعَثِرُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ أَسْتَطْعَتْهُمْ أَنْ تَنْفَذُوا مِنْ أَقْطَارِ السَّمَاوَاتِ
وَالْأَرْضِ فَانْفَذُوا لَا تَنْفَذُونَ إِلَّا إِشْلَاطِنَ ﴿٢٩﴾

"Wahai perkumpulan jin dan manusia, jika kamu sanggup menembusi penjuru langit dan bumi, maka tembusilah. Kamu tidak akan dapat menembusnya melainkan dengan kekuatan" ²⁹

Mungkin juga *al-Taqdim wa al-Ta'khir* bagi dua perkataan di atas dipengaruhi sama oleh faktor masa penciptaan mereka dan juga faktor terkehadapan dari segi *maqam* dan kemuliaan. Faktor masa penciptaan ialah para jin lebih dahulu diciptakan. Inilah yang cuba difahami menerusi firman Allah:

وَمَا حَنَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَنَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ ﴿٣٠﴾

"Dan tidaklah Aku ciptakan jin dan manusia, kecuali adalah untuk beribadah kepadaKu".³⁰

Faktor terhadapan dari segi *maqam* dan kemuliaan bermaksud bahawa *maqam* insan itu lebih tinggi dibandingkan dengan *maqam* jin. Dari itu Allah mengkemudiankan perkataan jin di dalam firmanNya yang berbunyi:

خَلَقَ الْإِنْسَنَ مِنْ صَلْصَلٍ كَلَفَخَارٍ ﴿١٦﴾ وَخَلَقَ الْجَنَّانَ
مِنْ مَارِجٍ مِنْ نَارٍ ﴿١٧﴾

"Dia menciptakan manusia dari tanah kering seperti tembikar dan Dia menciptakan jin dari nyalaan api"³¹

Maqam insan lebih tinggi dari *maqam* jin jelas terbukti dari beberapa peristiwa yang berlaku di dalam sejarah umat manusia. Antara peristiwa itu ada yang diceritakan oleh al-Qur'an seperti dialog yang telah berlaku antara Nabi Sulaiman dengan dua orang pengikutnya. Firman Allah s.w.t.:

²⁹Al-Rahman: 33.

³⁰Al-Zariyat: 56.

³¹Al-Rahman: 14 - 15.

قَالَ عَفْرِيتٌ مِّنَ الْجِنِّ أَنَا مَا لِي كِيدُ، قَبْلَ أَنْ تَقُومَ مِنْ مَقَامِكَ وَلِيٌ عَلَيْهِ لَفْوَىٰ
أَمِينٌ ﴿٣﴾ قَالَ اللَّهُ أَكْبَرُ عِنْهُ طَرْفُ مِنَ الْكِتَابِ أَنَا مَا لِي كِيدُ، قَبْلَ أَنْ يَرْتَدَ إِلَيْكَ
طَرْفُكَ

"Berkata Ifrit dari golongan jin "Aku akan bawa kepadamu singgahsana itu sebelum kamu berdiri dari tempat dudukmu, sesungguhnya aku benar-benar kuat untuk membawanya dan juga boleh dipercayai. Berkatalah seorang yang mempunyai ilmu dari al-kitab, "Aku boleh membawa singgahsana itu kepadamu sebelum matamu berkerdip ..." .³²

الاموال والانفس

Di dalam surah al-Saf Allah mendahuluikan perkataan *الانفس* *الاموال* daripada FirmanNya:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا عَمَلَ أَدْلَكَهُ عَلَىٰ بَخْرَفٍ شُجِّعُوكُمْ مِّنْ عَذَابِ أَلِيمٍ ۝ ۱۱
إِلَّاَئُورُسُولِهِمْ بِمُجْهِدُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِكُمْ

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan buatmu suatu perniagaan yang membebaskan kamu dari azab yang pedih? (iaitu) hendaklah kamu beriman kepada Allah, rasulNya dan berjihad pada jalan Allah dengan hartamu dan jiwamu ..." .³³

Sementara di dalam surah al-Tawbah Allah mengkemudiankan perkataan *الانفس* dan mendahuluikan *الاموال*. FirmanNya:

إِنَّ اللَّهَ أَشْرَكَ فِي مِنَ الْمُؤْمِنِينَ أَنْفَسَهُمْ وَأَمْوَالَهُمْ بِأَنَّ لَهُمْ
الْجَنَّةَ

"Sesungguhnya Allah telah membeli daripada orang-orang mukmin jiwa dan harta mereka, dengan menganugerahkan buat mereka syurga." .³⁴

³² Al-Naml: 39 - 40.

³³ Al-Saf: 11.

³⁴ Al-Tawbah: 111

Dengan memerhatikan kepada konteks ayat-ayat di atas pembaca al-Qur'an akan dapat menyelami apakah sebabnya Allah mendahuluikan الاموال dalam surah al-Saf dan mendahuluikan الانفس di dalam surah al-Tawbah.

Kalau diperhatikan dengan teliti, ayat di dalam surah al-Saf konteks bicaranya adalah mengenai persiapan dan persediaan untuk jihad. Sudah tentu dalam membina persiapan awal untuk berjihad memerlukan kepada jumlah wang dan hartabenda yang banyak. Begitulah juga di dalam mana-mana firman Allah yang lain yang mengambil bentuk *al-Taqdim* pada perkataan *الاموال* الاموال. Ini boleh ditemui dengan banyaknya di dalam *al-Qur'an al-Karim*, misalnya firman Allah:

إِنَّمَا الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ مَا أَسْرَأُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ، ثُمَّ لَمْ يُرْتَابُوا وَجَهَدُوا
بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan RasulNya. Kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad dengan harta dan jiwa mereka pada jalan Allah ... " ³⁵

Juga dalam firmanNya:

لَا يَسْتَوِي الْقَاعِدُونَ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ عِنْ أُولَئِكَ الظَّرِيرِ وَالْمُجَاهِدُونَ فِي سَبِيلِ
اللَّهِ بِأَمْوَالِهِمْ وَأَنفُسِهِمْ

"Tidak sama antara orang mukmin yang tidak turut berperang yang tidak mempunyai kezuran dengan orang-orang yang berjihad di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka ... " ³⁶

Semua sentuhan ayat di atas adalah dalam rangka membina kekuatan dan persiapan persenjataan untuk berjihad atau berperang.

Tetapi tidak begitu pada surah al-Tawbah, kerana bicaranya menyentuh tentang gegak gempita perperangan dan suasana bising pergeseran mata pedang. Perkara ini disebut oleh Allah di hujung ayat berkenaan dengan firmanNya:

يُعَذِّلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَيَقْتُلُونَ وَيُقْتَلُونَ

"Mereka berperang pada jalan Allah, lalu mereka membunuh (musuh) atau mereka (sendiri) yang terbunuh... " ³⁷

³⁵ Al-Hujurat: 35.

³⁶ Al-Nisa': 95.

Oleh itu dalam kondisi yang seperti ini, amat wajar Allah mengkehodapkan perkataan **الاموال الانفس** dari perkataan **الناس**.

Contoh 4: **الناس امنة**:

Di dalam Firman Allah s.w.t.:

إذْنُنَا شَكِّعُكُمُ النَّاسَ أَمْنَةً وَمُنَاهَةً

“*Ingalah ketika Allah menjadikan kamu mengantuk sebagai suatu keamanan darinya ...*”³⁸

Allah telah mendahulukan perkataan **الناس** ke atas perkataan **امنة**. Sebaliknya di dalam firmanNya yang lain Allah telah mengkemudiankan perkataan **الناس** di dalam FirmanNya:

ثُمَّ أَنْزَلَ عَلَيْكُم مِّنْ بَعْدِ الْغَمَرَ أَمْنَةً سَاعَاتٍ

“*Kemudian setelah kamu berduakacita, Allah menurunkan kepada kamu keamanan (berupa) mengantuk*”³⁹

Persoalan di sini, mengapakah Allah mendahulukan perkataan **الناس** di dalam ayat pertama dan mendahulukan **امنة** di dalam ayat yang kedua”?

Bagi sesiapa yang tahu tentang sirah atau riwayat yang ma’thur, mereka akan dapati bahawa ayat di dalam surah al-Anfal adalah berkaitan dengan Peperangan Badar.⁴⁰ Berbeza dengan ayat di dalam surah Ali Imran kerana ia diturunkan bagi mengolah persoalan peperangan Uhud.⁴¹

Di Medan Badar orang-orang mukmin amat berhajat kepada kerehatan dan tidur setelah berbagai-bagai situasi yang memenat dan meletihkan terpaksa mereka hadapi. Dari itu ia bersesuaian dengan mendahulukan perkataan **الناس** yang membawa erti mengantuk.

Di Medan Uhud orang-orang mukmin amat berhajat kepada keamanan setelah malapetaka ketewasan yang terpaksa mereka hadapi. Waktu itu keamanan adalah sesuatu yang paling berharga. Lantaran itu, ia bersesuaian kalau di dalam surah Ali Imran Tuhan mendahulukan perkataan **امنة** yang membawa erti keamanan.

³⁷ Al-Tawbah: 111.

³⁸ Al-Anfal: 11.

³⁹ Ali Imran: 154.

⁴⁰ Fadil Hasan Abbas Dr. *Ijaz al-Qur'an al-Karim*, Zahran li al-Naskh al-Sari', Amman, 1991, hlm. 222.

⁴¹ *Ibid.*

Malah kalau Tuhan mendahuluikan perkataan التماس ia akan bercanggah dengan *Bayan al-Qur'an*.

Kesimpulan

Perbincangan di atas adalah sebahagian dari perbincangan mengenai *I'jaz al-Qur'an*. Tumpuan perbincangan hanyalah kepada aspek kalimat Qur'aniyyah kerana ia mengandungi unsur-unsur *bayan* yang tinggi.

Sudut *al-Taqdim wa al-Ta'khir* di samping ia menarik, ia juga mempengaruhi makna-makna ayat dan kesimpulan-kesimpulan penting dalam tafsir al-Qur'an. Paling tidak ia menampakkan bahawa nilai sastera yang telah dibentangkan oleh al-Qur'an terlalu sukar ditandingi oleh mutu sastera manusia.

